

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana wabak COVID-19 ini telah menyebabkan penurunan pendapatan isi rumah rakyat Malaysia dan berapa banyak isi rumah yang telah jatuh ke dalam kategori miskin tegar.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, krisis COVID-19 telah menjejaskan ekonomi dengan ketara di seluruh dunia. Berdasarkan anggaran Bank Dunia, pandemik COVID-19 ini akan menyebabkan antara 88 juta sehingga 115 juta orang terjatuh dalam golongan kemiskinan tegar pada tahun 2020 dan menyebabkan paras kadar kemiskinan dunia kembali kepada paras yang dicatatkan pada tahun 2017.
2. Di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia pada bulan Mei 2020 telah menjalankan Survei Khas Kesan Covid-19 Kepada Ekonomi dan Individu. Berdasarkan survei khas ini didapati lebih daripada dua per tiga iaitu 71% daripada responden yang bekerja sendiri mempunyai simpanan kurang daripada 1 bulan sahaja. Manakala 77% majikan dan 83% pekerja swasta pula mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi sehingga 2 bulan sahaja. Kadar pengangguran pada bulan September 2020 adalah 4.6%. Oleh yang demikian, adalah dianggarkan jumlah isi rumah yang jatuh kepada miskin tegar dijangka meningkat.
3. UNICEF pada Oktober 2020 telah menerbitkan laporan "*Families on the Edge*" yang menjalankan kajian ke atas 500 keluarga di 16 kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya berkaitan kemiskinan bandar dan isu ketersisihan di kalangan kanak-kanak. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan kadar pengangguran orang dewasa dalam komuniti adalah masih tinggi iaitu 35%.
4. Kerajaan sentiasa memberikan fokus kepada agenda pembasmian kemiskinan dalam pelan pembangunan negara dan sentiasa memantau keadaan kemiskinan dalam kalangan rakyat melalui sistem eKasih. Sistem ini dibangunkan pada tahun 2007 sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia

sama ada mereka tergolong dalam kalangan “Miskin Tegar dan Miskin” berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada.

5. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, ICU JPM pada setiap masa menjalankan verifikasi di lapangan bagi mengenal pasti rakyat yang hidup di dalam kemiskinan termasuk semasa dalam tempoh Pandemik COVID-19. Oleh itu, isi rumah miskin yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) akan didaftarkan ke dalam Sistem eKasih. Sistem ini adalah bersifat dinamik serta semua maklumat eKasih adalah melibatkan isi rumah yang berdaftar dan telah dibuat pengesahan dan proses verifikasi di lapangan.

6. Bagi menangani kemiskinan dan meningkatkan mekanisme penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi, Kerajaan akan memperkukuh pendekatan dari bawah ke atas atau *bottom-up approach*, dengan izin, di kalangan pemegang taruh antara Kerajaan, swasta, organisasi berasaskan komuniti (CBO) dan rakyat. Justeru itu, pendekatan ini akan dipertingkat dengan penglibatan organisasi masyarakat sivil dan CBO. Pihak berkuasa juga akan diperkasa untuk mengenal pasti dan mengurangkan poket kemiskinan pada peringkat komuniti.

Sekian, terima kasih.